

# MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

Profesor Emeritus  
Datuk Dr Ibrahim Komoo  
Pengerusi Majlis Nasional Kebangsaan  
dan Peta Utama, Institut Alam Sekitar  
& Pembangunan (LESTAR), UKM



# Pesanan Dr M memperkasa intelektik Melayu

Perjumpaan sekumpulan intelektual Melayu bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sempena Aidilfitri, meninggalkan kesan yang sangat mendalam di sanubari kami.

Belliau sememangnya negarawan ulung berjiwa besar dan penuh dengan kebijaksanaan. Nasihat beliau kepada kami tidak boleh dipandang ringan dan seharusnya menjadi pegangan intelektual atau pemimpin ilmu di Malaysia.

Dr Mahathir menceritakan beberapa peristiwa penting yang membawa beliau berkecimpung dalam politik negara lebih 60 tahun silam, dan mengapa beliau kembali semula ke arena politik ketika usia menjangkau 92 tahun sehingga berjaya dilantik sebagai Perdana Menteri buat kali kedua.

Dalam menghuraiakan kepentingan perpaduan, perkongsian kuasa antara golongan majoriti dan minoriti serta prinsip keadilan dalam pemerintahan, suatu yang masih tersemat di jiwa, seakan duri dalam daging negarawan ulung ini ialah nasib bangsa Melayu di tanah air sendiri, iaitu Semenanjung Tanah Melayu.

### Perjuangan belum selesai

Dalam imbasan peristiwa dan pencapaian kepemimpinan terdahulu yang mengagumkan itu, tersemat dua inti pati kekesalan, seakan perjuangan yang belum selesai, iaitu mengubah sistem nilai bangsa Melayu dan kerapuhan ke-

pemimpinan Melayu.

Dua perkara ini juga yang mampu mengangkit bangsa Melayu dihormati di persada dunia, pada masa sama, boleh menyebabkan bangsa ini tersungkur di tanah air sendiri. Saya sebagai seorang pakar Geologi Kejuruteraan berasa amat beruntung dan kagum mendengar lokek pengujahan negarawan ulung ini.

Ramai masyarakat luar yang memuji keistimewaan budaya bangsa Melayu, iaitu tingginya budi pekerti, bersopan santun, diplomasi dan kukuh sistem kekeluargaan. Beginipun, Dr Mahathir masih berasakan wujud sistem nilai negatif yang menyebabkan dalam beberapa urusan penting, bangsa Melayu sukar berubah bapi mencapai kemajuan.

Antara sikap atau sistem nilai yang ketara pada bangsa Melayu ialah tidak berani mengambil risiko, tidak sanggup bekerja keras, kurang menjaga harga diri (maruah) dan terperangkap dengan perasaan iri hati dan hasad dengki.

Saya tidak akan mengulas setiap satu daripada sistem nilai ini dan yakin Dr Mahathir juga tidak bermaksud semua bangsa Melayu bersikap begini.

Dalam konteks kepemimpinan pula, apa yang terserlah kebelakangan ini sehingga rakyat sudah hilang kepercayaan kepada UM-NO umpamanya, adalah jelmaan kepada kelemahan kepemimpinan Melayu paling klasik.

Jika saya dapat tafsiran dari-

pada kata-kata Dr Mahathir apabila mempunyai kuasa, kepemimpinan Melayu sudah dibelak dengan harta kekayaan, berkap rakus dan tamak dan sudah berikap tidak adil dan mengutamakan kesihatan.

Ungut-ungkut negatif dan kecewa-bewas dipergunakan. Akhirnya, sesat dan tidak berupaya pulang ke pangkai jati. Kepemimpinan begini bertani dalam pelbagai bangsa lain juga tetapi tidak terwujud dalam bangsa Melayu.

Hampir serentak, jam Dr Mahathir menandakan di sini dan kekesalan apa yang sudah berlaku pada negara dan rakyat Malaysia. Dalam pada itu, kami dapat berasakan beliau masih menaruh harapan kepada intelek Melayu untuk melakukan perubahan.

### Amanah kepada Ilmuan

Ini pastinya menjadi amanah besar kepada ilmuan, khususnya ahli akademik di Universiti Awam, Ilmuan di antara gedung tidak boleh hanya tertumpu kepada pembangunan kepakaran sendiri, tetapi perlu berinteraksi dengan masyarakat luas untuk memajukan negara, terutama untuk mengubah sistem nilai bangsa Malaysia ke arah kecemerlangan.

Lebih penting lagi, jika intelek Melayu boleh memainkan peranan sebagai suara kritis, berani bergerak melangkaui batas politik dan menegor kepemimpinan negara jika tersasar daripada landasan benar.

Saya tertarik dengan kenyataan Tun Dr Mahathir mengenai bangsa Melayu tidak berani mengambil risiko. Berdasarkan sejarah, bangsa Melayu berkeluarga, berkampung dan bermukiman di sekitar desa di tanah air sendiri.

Pada serantau berkenaan mereka mengerjakan bendang, ke laut atau sungai untuk mendapatkan bekalan makanan. Berketuannya, menjadi pekebun kecil dan menghasilkan perak bagi mendapatkan keperluan harian.

Apabila negara berkembang, kerajaan menyediakan sekolah kebangsaan dan universiti, bangsa Melayu diberikan kemudahan biasiswa, dan selepas tamat pendidikan disediakan kerja atau di pejabat kerajaan atau institusi berkaitan kerajaan.

Dalam situasi begini, mereka dibesarkan dengan penuh bantuan dan tidak perlu mengambil risiko tinggi untuk hidup selesa. Bagaimana boleh kita mengharap mereka mempunyai nilai hidup sama seperti bangsa Cina dan In-

dia yang merantau dan perlu berhadapan dengan pelbagai risiko tinggi.

### Dasar memimpin tangan

Selepas Merdeka, kerajaan berkembang dengan mengamalkan dasar 'memimpin tangan' bangsa Melayu ke arah kemajuan, bukannya secara mendidik dan membina untuk bertukar.

Ber kata pujangga, kita perlu selatikan air bukannya membawa lembu ke air dan memakainya untuk minum. Mungkin pendekatan membimbing sesuai untuk beberapa dekad awal, tetapi tidak sesuai diteruskan apabila asas kukuh sudah disejajarkan.

Tambahan pula, terakut-ra tertali ramai pemimpin yang tidak berfikir, mengamal kesempatan untuk kepentingan diri sehingga ketuhanan berlaku secara berleluasa. Akibatnya, apabila pemimpin yang rajus terus mengaut habuan daripada projek pembangunan, rakyat jelata masih terpinggir tanpa mendapat sebarang manfaat.

Kelemahan bangsa Melayu paling ketara ialah mereka kurang sanggup bekerja keras, membekalkan tumpuan terbalik atau bangga dengan hasil cemerlang.

Kita mempunyai pemikiran yang strategik dan idea yang bernas, tanpa mengambill risiko, melaksanakan secara berhemat-sungguh dan menghasilkan produk berkecuali, pencapaian dalam semua hal hanya bersifat sederhana atau sekadar memenuhi purnawala.

Paradigma semuanya perlu dilakikan secara berseadanya, tidak menyebabkan orang Melayu kurang gemar dengan bangsanya yang mencapai kejayaan cemerlang. Perasaan dengki dan iri hati terjelma dan menganggu diri kerana kurang kemampuan untuk bersaing.

Dr Mahathir sememangnya berjiwa besar di samping menyelesaikan isu negara pelbagai kaum secara adil dan saksama, beliau masih memikirkan masa depan bangsa Melayu dan Bumiputera yang menjadi penduduk asal negara ini.

Belliau kecewa mengapa sistem nilai komunitinya masih sukar diubah dan kesal mengapa majoriti intelek Melayu masih membius dan belum mampu memainkan peranan menerajui perubahan yang diharapkan.

Hanya bangsa yang memegang sistem nilai positif dan pemimpin beretika mampu menjulang negara ke merta kejayaan.



Bak kata pujangga, kita perlu sediakan air, bukannya membawa lembu ke air dan memaksanya untuk minum. Mungkin pendekatan membimbing sesuai untuk beberapa dekad awal, tetapi tidak sesuai diteruskan apabila asas kukuh sudah disediakan"

### Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP  
Datuk Yushaimi Yahaya  
yushaimi@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integras NSTP  
Saidon Idris  
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian  
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman  
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 11 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-225797 Faks: 03 20567081  
Laman Web: www.bh.com.my E-mail: bh@bh.com.my